



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
BAHAGIAN SARAAAN  
ARAS 5 & 6, BLOK A, BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE  
NO. 3200, JALAN TEKNOKRAT 2  
63000 CYBERJAYA, SEPANG  
SELANGOR DARUL EHSAN  
Tel. : 03-83164000  
Faks. : 03-83201984/03-83201981  
03-83201980/03-83201979/03-83201985  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(BGE)223/5/4-3(44)

Tarikh : 7 Ogos 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**Pindaan Kadar Elaun Kanak-kanak Yang Diperuntukkan Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan telah bersetuju meluluskan semakan kadar Elaun Kanak-kanak (EKK) yang diperuntukkan melalui perenggan 2.1.19, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994 seperti berikut:

	<b>Kadar Semasa Sebulan (RM)</b>	<b>Kadar Baru Sebulan (RM)</b>
Anak keempat	75.00	110.00
Anak kelima	50.00	75.00

3. Kadar baru ini berkuat kuasa mulai 1 September 2009.

4. Pelaksanaan EKK ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa:

- pegawai mempunyai empat atau lima orang anak yang berkelayakan di penempatan pegawai; atau
- anak yang berkelayakan tersebut berada di negara selain Malaysia atas tujuan kesinambungan pelajaran mengikut peraturan semasa.

5. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk mengawal perbelanjaan pemberian elaun ini dengan memastikan bahawa syarat pemberian di atas adalah dipatuhi.

6. Pemakaian surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' YAP KIN SIAN)**  
Pengarah Bahagian Saraan  
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

☎ 03-83164001  
✉ [ksyap@jpa.gov.my](mailto:ksyap@jpa.gov.my)

S.k:

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan